

## WASIAT SOSIAL SHEIKH ‘ABD AL-SALAM YASIN MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan <sup>i</sup>, Adnan Shalash <sup>ii</sup>, Norhasnira Ibrahim <sup>iii</sup>, Helimy Aris <sup>iv</sup>,  
Siti Mardhiyah Kamal Azhar <sup>v</sup>, Syed Najihuddin Syed Hassan <sup>vi</sup>

<sup>i</sup>(Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.  
Emel: akmalludin@usim.edu.my

<sup>ii, iii, iv, v, vi</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel:  
dradnanshalash@usim.edu.my, norhasnira@usim.edu.my, helimy@usim.edu.my, mardhiyah@usim.edu.my,  
syednajihuddin@usim.edu.my

### ABSTRAK

Wasiat terakhir Sheikh ‘Abd al-Salam Yasin, seorang tokoh ulama dan pemimpin gerakan Islam di Maghribi, mengandungi rangkuman nasihat akidah, akhlak, dan panduan sosial yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Dokumen ini wajar diberi perhatian kerana tidak hanya bersifat pesanan peribadi, tetapi lebih memaparkan refleksi visi sosial Islam yang menyeluruh. Isu utama yang diketengahkan ialah berlakunya krisis moral, perpecahan umat dan penyimpangan daripada prinsip wahyu dalam kehidupan sosial umat Islam masa kini. Artikel ini bertujuan menganalisis dimensi sosial dalam wasiat beliau dan menilai keselarasan mesej tersebut dengan prinsip-prinsip al-Quran. Metodologi kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan analisis kandungan tematik ke atas teks penuh wasiat yang telah diterjemahkan, dengan pemetaan mesej utama kepada ayat-ayat al-Quran. Hasil kajian mendapati bahawa wasiat Sheikh Yasin menggariskan tujuh teras sosial utama: persaudaraan kerana Allah, keadilan dan ihsan, musyawarah, tanggungjawab terhadap keluarga dan golongan lemah, pendidikan dan ilmu, kesedaran politik yang berpandukan syarak, serta akhlak Islami. Kajian ini menyimpulkan bahawa wasiat tersebut berpotensi menjadi panduan etika sosial berteraskan wahyu yang relevan untuk pembinaan semula masyarakat Islam yang bersatu, adil, dan berakhlak mulia.

**Kata-kata kunci:** ‘Abd al-Salam Yasin, Perspektif al-Quran, Wasiat Sosial.

### PENGENALAN

Wasiat dan pesanan akhir para tokoh besar sering menjadi sumber inspirasi dan rujukan, kerana ia merangkum pandangan hidup, pengalaman dakwah dan prinsip perjuangan yang terbina sepanjang hayat mereka. Wasiat terakhir Sheikh ‘Abd al-Salam Yasin ialah salah satu dokumen penting yang sarat dengan nilai spiritual dan sosial, menggabungkan pesanan keimanan dengan visi pembinaan masyarakat yang berpaksikan al-Quran. Sheikh ‘Abd al-Salam Yasin dikenali sebagai pengasas gerakan al-‘Adl wa al-Ihsan, yang memperjuangkan kesatuan antara keadilan sosial dan penghayatan ihsan. Wasiat beliau memperincikan bagaimana nilai ini perlu diterjemahkan dalam hubungan sesama manusia, pengurusan masyarakat, dan pembangunan umat. Dalam era di mana umat Islam berdepan cabaran seperti perpecahan dalaman, ketidakadilan sosial, dan penghakisan nilai, menganalisis wasiat ini dari perspektif al-Quran menjadi langkah penting untuk menghidupkan kembali idealisme sosial Islam (Imam Abdessalam Yassine Foundation, n.d.).

## Latar Belakang Sheikh ‘abd Al-Salam Yasin dan Wasiat Beliau

Beliau dilahirkan pada tahun 1928 di Maghribi, Sheikh ‘Abd al-Salam Yasin menempuh pendidikan Islam tradisional dan moden, serta berkhidmat sebagai pendidik sebelum mengasaskan gerakan al-‘Adl wa al-Ihsan. Beliau dikenali kerana keberanian menegur pemerintah, visi politik yang berpandukan syarak dan komitmen membangunkan masyarakat melalui tarbiyah rohani dan reformasi sosial. Karya-karya beliau meliputi pelbagai bidang termasuk tafsir, hadis, pemikiran politik Islam dan pendidikan. Gerakan yang diasaskannya menekankan bahawa pembaharuan sosial mesti bermula daripada pembaikan diri dan pembinaan masyarakat yang berpandukan prinsip keadilan dan ihsan (Imam Abdessalam Yassine Foundation, n.d.).

Wasiat terakhir Sheikh Yasin ditulis pada 28 Zulhijjah 1422H, jauh sebelum pemergiannya pada 13 Disember 2012. Ia ditulis pada waktu awal pagi, yang beliau gambarkan sebagai saat penuh keberkatan. Teks wasiatnya dimulai dengan pengakuan syahadah, pernyataan keyakinan terhadap rukun iman dan doa untuk mereka yang mendoakannya (Yassine, 2014). Namun, bahagian yang paling menonjol ialah pesanan-pesanan sosial yang diikat dengan dalil al-Quran dan Sunnah. Beliau menyebut tentang kewajipan berbuat baik kepada ibu bapa, memelihara silaturahim, mengamalkan musyawarah, menegakkan keadilan, membela golongan lemah, mendidik umat dan memperkukuh persaudaraan Islam. Wasiat ini juga mengandungi dimensi amar ma‘ruf nahi munkar, seruan kepada jihad menentang penindasan dan keperluan menjaga akhlak Islami dalam semua aspek kehidupan.

## SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Skop kajian ini ialah analisis dimensi sosial yang terkandung dalam teks wasiat terakhir Sheikh Yasin dan memberi penekanan terhadap keselarasannya dengan prinsip al-Quran. Metodologi yang digunakan ialah analisis kandungan tematik yang melibatkan:

1. Pembacaan menyeluruh teks wasiat dalam versi terjemahan Bahasa Inggeris yang telah dicetak, berjudul “*The Last Testament of Imam Abdessalam Yassine*”. Naskhah ini dicetak oleh *Justice and Spirituality Publishing* pada tahun 2014. Selain naskhah ini, rujukan juga turut dilakukan terhadap terjemahan versi Bahasa Melayu. Naskhah ini telah sempurna diterjemah, namun masih belum dicetak.
2. Pengkodan awal untuk mengenal pasti ungkapan atau pesanan yang bersifat sosial.
3. Pengelompokan tema berdasarkan kategori seperti persaudaraan, keadilan, musyawarah, pendidikan dan tanggungjawab sosial.
4. Pemetaan kepada ayat al-Quran yang berkaitan, disertai nas sokongan daripada hadis dan komentar ringkas para ilmuwan – khususnya tafsir – terhadap ayat tersebut.
5. Penilaian keselarasan mesej wasiat dengan kerangka etika sosial Islam yang bersumberkan wahyu.

Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang terperinci tentang bagaimana Sheikh Yasin menyelaraskan visi sosialnya dengan ajaran al-Quran.

### Metodologi Kajian



### HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Tema Sosial	Petikan Wasiat	Ayat al-Quran Berkaitan	Keterangan Akademik
Persaudaraan kerana Allah	“Hubungan yang pernah menyatukan kita di dunia dapat kembali bersambung... hubungan tersebut tidak akan terputus walaupun dihalangi kematian.”	"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu..." (Al-Hujurat:10)  “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah, dan janganlah kamu berpecah-belah...” (Ali ‘Imran:103)  “Sekiranya engkau belanjakan segala apa yang ada di bumi sekali pun, nescaya engkau tidak dapat menyatukan hati mereka...” (Al-Anfal: 63)	Wasiat ini selaras dengan prinsip ukhuwah Islamiyyah yang mengatasi batas kematian dan bersifat kekal di akhirat.
Keadilan & Ihsan	“Keadilan ( <i>al-‘adl</i> ) ialah pasangan yang tidak terpisahkan daripada ihsan ( <i>al-ihsan</i> ).”	"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil, berbuat ihsan, dan memberi kepada kaum kerabat..." (Al-Nahl:90)	Sheikh Yasin menggabungkan dua nilai utama ini sebagai asas pembinaan negara dan masyarakat Islam.
Musyawaharah	“Sesungguhnya, amalan syura (musyawarah) dalam urusan awam, khas dan pentadbiran adalah daripada intipati agama Islam.”	"Dan urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarah antara mereka..." (Al-Syura:38)  “Dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu; kemudian apabila engkau telah berazam (untuk melaksanakannya), maka bertawakallah kepada Allah.” (Ali ‘Imran: 159)	Penekanan beliau kepada syura mencerminkan pandangan al-Quran tentang pengurusan sosial yang inklusif dan adil.

<p>Tanggungjawab kepada Ibu Bapa &amp; Golongan Lemah</p>	<p>“Allah SWT telah mewasiatkan agar berbuat kebaikan kepada kedua ibu bapa, terutamanya ketika mereka lanjut usia...”</p> <p>“... Allah SWT ingatkan kepada sesiapa yang ingin mengambil iktibar dan bersyukur: bahawa kita tidak akan mendekati harta anak yatim melainkan dengan cara yang terbaik.”</p>	<p>"Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada kedua ibu bapanya..." (Al-Isra':23)</p> <p>“Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang terbaik, sehinggalah dia mencapai usia dewasa dan mampu mengurus dirinya sendiri.” (Al-An'am: 152)</p> <p>“Dan janganlah kamu memakan harta mereka secara berlebih-lebihan atau dengan tujuan tergesa-gesa menghabiskannya sebelum mereka dewasa...” (Al-Nisa': 6)</p>	<p>Wasiat beliau memperluas konsep <i>birr al-walidayn</i> kepada tanggungjawab sosial lebih luas termasuk perlindungan golongan lemah seperti anak yatim.</p>
<p>Pendidikan &amp; Ilmu</p>	<p>“Aku juga berpesan agar menuntut ilmu, iaitu ilmu yang menjamin kebahagiaan setiap individu pada Hari Akhirat...”</p>	<p>"Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat..." (Al-Mujadilah:11)</p> <p>“Dan carilah melalui apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan kebahagiaan negeri akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagianmu daripada kenikmatan dunia.” (Al-Qasas: 77)</p>	<p>Sheikh Yasin menekankan kesepaduan antara ilmu ukhrawi dan duniawi untuk kekuatan umat.</p>
<p>Kesederhanaan Politik Berpandukan Syariat</p>	<p>“Seruan ini disertai dengan usaha gigih yang penuh wawasan jauh serta kesabaran dalam menghadapi kepayahan yang diharungi demi menyatukan umat...”</p> <p>“Justeru, jihad yang berterusan untuk mendirikan negara yang adil dalam umat kita seharusnya tidak mengganggu usaha mencapai ketinggian martabat ihsan.”</p> <p>Aku menasihatkan agar bersikap tenang, bersederhana dan berjihad...”</p>	<p>"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan..." (Ali 'Imran:104)</p>	<p>Mesej ini berkait dengan amar ma'ruf nahi munkar dalam konteks pengurusan negara dan pembelaan umat secara sederhana dan menepis fahaman ekstremisme.</p>

<p>Akhlaq Islam</p>	<p>"Aku berpesan agar kita menampilkan akhlak Islam yang indah, iaitu keperibadian yang tercermin dalam akhlak seorang Mukmin dan Mukminah, baik dari segi penampilan luaran mahupun dalaman mereka."</p>	<p>"Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar mempunyai akhlak yang agung." (Al-Qalam: 4)</p> <p>"Ambillah kemaafan, suruhlah dengan perkara yang baik, dan berpalinglah dari orang-orang yang jahil." (Al-A'raf: 199)</p> <p>"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, nanti kamu disentuh oleh api neraka." (Hūd: 113)</p>	<p>Sheikh Yasin menggariskan ciri akhlak yang seimbang dalam interaksi sosial, kepentingan budi yang luhur dan keperluan memilih persekitaran yang baik agar tidak terjebak dengan kecelaruan akhlak dan moral..</p>
---------------------	---	--	--

### Persaudaraan dan Kasih Sayang kerana Allah

Sheikh Yasin menegaskan bahawa persaudaraan Islam tidak terputus walaupun dipisahkan oleh kematian (Yassine, 2014). Ini selari dengan firman Allah: "Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara..." (al-Hujurat:10). Al-Qushayri (n.d.) dalam tafsirnya juga menegaskan bahawa antara hak bersaudara ialah memelihara hak ahli keluarga saudaranya, sama ada ketika saudaranya ada atau tiada, juga ketika saudaranya hidup atau pun telah meninggal dunia.

Persaudaraan menurut Islam juga meliputi hal berkasih sayang, tolong menolong dan saling berlemah lembut sesama saudara (Al-Sam'ani, 1997), seperti yang telah dimanifestasikan dalam hadis: "Orang mukmin bagi mukmin yang lain adalah seperti bangunan, sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain..." (Al-Bukhari, 1993; Muslim, 1995). Persaudaraan yang tulus menjadi asas kesatuan umat, menolak perpecahan yang sering berpunca daripada perbezaan politik, mazhab, atau etnik.

Kenyataan Sheikh Yasin berkenaan persaudaraan dan kasih sayang sesama Muslim ini juga direkodkan dalam firman Allah melalui Surah Ali 'Imran: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah, dan janganlah kamu berpecah-belah. Dan ingatlah akan nikmat Allah ke atas kamu ketika kamu dahulu bermusuhan, lalu Dia menyatukan hati-hati kamu, maka dengan nikmat-Nya kamu pun menjadi bersaudara..." (Ali 'Imran:103). Ayat ini membuktikan keajaiban nikmat persaudaraan yang menghilangkan segala bibit permusuhan, lantas menyuburkan kesatuan hati atas nama iman dan kasih sayang.

Seperti yang dinukilkan dalam karya tafsir, ayat ini diturunkan berhubung dengan kaum Aus dan Khazraj. Mereka dahulu pernah berperang antara satu sama lain sebelum kedatangan Islam selama empat puluh tahun, sehingga hampir-hampir mereka binasa. Namun setelah Nabi SAW diutuskan di Makkah, kaum Aus dan Khazraj yang berada di Madinah beriman kepadanya. Seramai tujuh puluh orang lelaki daripada mereka pergi menemui Rasulullah SAW di Makkah, lantas keluarlah Rasulullah SAW bersama bapa saudaranya al-'Abbas hingga sampai ke Aqabah. Baginda bertemu dengan mereka, lalu mereka berbaiah dengan baginda.

Dua tahun kemudian, Nabi SAW berhijrah kepada mereka di Madinah. Maka terjalinlah kasih mesra antara Aus dan Khazraj, serta hilanglah permusuhan jahiliah yang dahulu wujud antara mereka dengan sebab Islam (Al-Samarqandi, n.d.). Hal ini sebagaimana disebutkan dalam ayat lain: "Sekiranya engkau belanjakan segala apa yang ada di bumi sekali pun, nescaya engkau tidak dapat menyatukan hati mereka, tetapi Allah yang telah menyatukan hati mereka." (al-Anfal: 63)

- **Keadilan dan Ihsan**

Dalam wasiat Sheikh Yasin, beliau menyatakan: "Keadilan ialah pasangan yang tidak terpisahkan daripada ihsan..." (Yassine, 2014). Prinsip ini selaras dengan Surah al-Nahl: "Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil, berbuat ihsan, dan memberi kepada kaum kerabat..." (al-Nahl: 90) yang memerintahkan keadilan dan ihsan sebagai asas masyarakat. Keadilan menurut Ibn al-'Arabi mencakupi tiga aspek utama;

pertama, keadilan seorang hamba dengan Tuhannya, dengan mengutamakan hak Allah SWT berbanding kepentingan dirinya sendiri, mendahulukan keredaan Allah daripada hawa nafsunya serta menjauhi segala larangan dan melaksanakan segala perintah-Nya.

Kedua, keadilan seseorang dengan dirinya sendiri dengan menahan diri daripada perkara yang boleh membawa kepada kebinasaan. Ketiga, keadilan seseorang dengan makhluk lain dengan memberikan nasihat yang tulus, menjauhi pengkhianatan sama ada dalam perkara kecil atau besar, berlaku adil terhadap mereka dalam segala aspek, tidak melakukan sebarang kezaliman terhadap sesiapa, serta bersabar atas ujian dan gangguan yang datang daripada mereka (al-Qurtubi, 1964).

Dengan erti kata lain, keadilan merujuk kepada kewajipan menunaikan hak secara menyeluruh dan sempurna tanpa sebarang pengurangan, sementara ihsan pula merupakan suatu keutamaan yang disunatkan, iaitu dengan memberi manfaat kepada manusia melalui harta, tenaga, ilmu dan pelbagai bentuk kebaikan yang lain. Bahkan, ia turut merangkumi perbuatan baik terhadap haiwan dan lain-lain lagi (al-Sa'di, 2000). Kenyataan Sheikh Yasin yang menegaskan bahawa keadilan dan ihsan tidak dapat dipisahkan merupakan kenyataan yang amat benar dan mendalam. Bahkan ia didasari oleh nukilan yang sama ditegaskan oleh ilmuwan al-Salaf al-Ṣaliḥ seperti Abdullah bin Mas'ūd RA. Al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (1998) menukilkan athar daripada Shutayr bin Shakh, bahawa beliau bertanya kepada Masrūq bin al-Ajda': "Adakah engkau pernah mendengar 'Abdullah berkata: "Tiada satu ayat pun dalam al-Qur'an yang lebih menghimpunkan makna halal dan haram, perintah dan larangan, daripada ayat ini: Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu berlaku) adil, berbuat ihsan, dan memberi kepada kaum kerabat?". Masruq menjawab: "Ya, aku pernah mendengarnya."

- **Musyawahar**

Kata Sheikh Yasin: "Sesungguhnya, amalan syura (musyawarah) dalam urusan awam, khas dan pentadbiran adalah daripada intipati agama Islam" (Yassine, 2014). Berdasarkan kenyataan ini, beliau mengangkat konsep syura sebagai prinsip agama, sejajar dengan firman Allah: "Dan (orang-orang yang beriman itu ialah) mereka yang menyahut seruan Tuhan mereka, mendirikan solat, dan urusan mereka diputuskan secara musyawarah antara mereka; serta mereka menafkahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka." (al-Shūra:38). Sheikh Yasin secara tidak langsung telah mengkritik amalan autoritarian yang mengabaikan suara rakyat, dan mengajak kepada pengurusan kolektif berlandaskan prinsip musyawarah.

Allah SWT juga berfirman dalam ayat lain: "Dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu; kemudian apabila engkau telah berazam (untuk melaksanakannya), maka bertawakallah kepada Allah." (Ali 'Imran: 159). Atas aspirasi inilah Rasulullah SAW sering bermusyawarah dengan para sahabat dalam urusan

peperangan dan perkara lain yang penting, sebagai tanda menghormati pandangan mereka, di samping untuk menenangkan dan menyatukan hati mereka. Begitu juga ketika ‘Umar bin al-Khattab RA berada di ambang kematian akibat tikaman, beliau telah menjadikan urusan kepimpinan selepasnya sebagai urusan syūra, dengan melantik enam orang sahabat terkemuka untuk bermusyawarah, iaitu ‘Uthman, ‘Ali, Ṭalhah, al-Zubayr, Sa‘d, dan ‘Abd al-Raḥman ibn ‘Awf (raḍiya Allahu ‘anhum ajma‘in). Hasil daripada musyawarah itu, seluruh sahabat bersepakat memilih ‘Uthman RA sebagai khalifah selepas ‘Umar (Ibn Kathir, 1999).

Al-Qurtubi (1964) menukilkan athar daripada Ibn Khuwayz Mandad yang berpandangan bahawa menjadi kewajipan bagi para pemerintah untuk bermusyawarah dengan para ulama dalam perkara yang mereka tidak ketahui atau dalam hal-hal agama yang menimbulkan kekeliruan kepada mereka. Begitu juga, mereka hendaklah bermusyawarah dengan panglima-panglima tentera dalam urusan peperangan, dengan tokoh-tokoh masyarakat dalam hal yang berkaitan dengan kepentingan umum, serta dengan pegawai pentadbiran, menteri, dan pegawai pelaksana dalam perkara yang menyentuh kemaslahatan dan pembangunan negara. Hal ini juga bersesuaian dengan pepatah Arab yang menyebut: “Sesiapa yang bermusyawarah tidak akan menyesal.” Pepatah lain juga mengatakan: “Sesiapa yang terlalu kagum dengan pendapatnya sendiri, maka ia akan tersesat.”

#### • Tanggungjawab terhadap Ibu Bapa dan Golongan Lemah

Kata Sheikh Yasin: “Allah SWT telah mewasiatkan agar berbuat kebaikan kepada kedua ibu bapa, terutamanya ketika mereka lanjut usia, dalam keadaan lemah serta memerlukan tangan yang lemah lembut, hati yang bersimpati dan layanan yang baik hasil daripada ketulusan dan kasih sayang.” (Yassine, 2014) Kenyataan ini bertepatan dengan firman Allah SWT: “Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu tidak menyembah selain Dia, dan supaya kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Sekiranya salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali, mencapai usia tua dalam pemeliharaanmu, maka janganlah engkau mengucapkan kepada mereka perkataan yang kasar walau sekadar “ah”, dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang mulia dan penuh hormat.” (al-Isra’: 23)

Sheikh Yasin juga memperincikan sebab perlu berlaku baik kepada kedua-dua ibu bapa, melalui pesannya: “kerana seorang ibu telah mengandungkannya, menyusukannya, dan membesarkannya dengan penuh kasih sayang dan kelembutan. Dan kerana mereka berdua (ibu dan bapa) telah mengambil tanggungjawab untuk menjaganya sejak dalam kandungan yang tidak mempunyai sebarang daya dan kekuatan sendiri, lalu membesarkannya dari seorang anak kecil dalam buaian hingga seterusnya melalui pelbagai fasa dalam kehidupannya” (Yassine, 2014).

Kenyataan ini dilihat selari dengan kenyataan Al-Ṭabari (n.d.) yang menyebut: “Firman-Nya: “Maka janganlah engkau berkata kepada mereka berdua ‘ah’,” bermaksud: janganlah engkau menunjukkan rasa jengkel atau mengeluh terhadap sesuatu yang engkau lihat daripada salah seorang daripada mereka atau kedua-duanya, meskipun perkara itu biasanya menjengkelkan manusia. Sebaliknya, bersabarlah terhadap hal tersebut, dan harapkan ganjaran pahala atas kesabaranmu terhadap mereka, sebagaimana mereka dahulu bersabar terhadapmu ketika engkau masih kecil.”

Berkenaan tanggungjawab terhadap orang lemah, Sheikh Yasin memberikan fokus khusus kepada perlindungan terhadap anak yatim. Kata beliau: "... Allah SWT ingatkan kepada sesiapa yang ingin mengambil iktibar dan bersyukur: bahawa kita tidak akan mendekati harta anak yatim melainkan dengan cara yang terbaik." (Yassine, 2014) Kenyataan ini selari dengan firman Allah SWT: "Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang terbaik, sehinggalah dia mencapai usia dewasa dan mampu mengurus dirinya sendiri." (al-An'am: 152) Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman berkenaan melindungi hak anak yatim berkaitan harta: "Dan janganlah kamu memakan harta mereka secara berlebih-lebihan atau dengan tujuan tergesa-gesa menghabiskannya sebelum mereka dewasa. Sesiapa yang berada dalam keadaan kaya, maka hendaklah dia menahan diri (daripada menggunakan harta tersebut); dan sesiapa yang miskin, maka bolehlah dia mengambilnya sekadar yang patut menurut kebiasaan yang baik." (al-Nisa': 6)

Al-Qurtubi (1964) berpandangan antara tafsiran terbaik kepada ayat: "Sesiapa yang berada dalam keadaan kaya, maka hendaklah dia menahan diri" merujuk kepada larangan memakan harta dirinya sendiri secara berlebihan, bukan kepada harta anak yatim. Justeru ayat tersebut membawa makna: janganlah kamu memakan harta anak yatim bersama harta kamu, tetapi cukuplah dengan memakan harta kamu sendiri. Tafsiran ini juga disokong oleh ayat al-Quran yang lain, di mana Allah SWT berfirman: "Dan janganlah kamu memakan harta sesama kamu dengan cara yang batil kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu" (al-Nisa': 29), serta firman-Nya yang lain: "Dan janganlah kamu memakan harta mereka bersama harta kamu; sesungguhnya yang demikian itu adalah dosa besar."

(al-Nisa': 2) Ada pun firman-Nya: "dan sesiapa yang miskin, maka bolehlah dia mengambilnya sekadar yang patut menurut kebiasaan yang baik", ia merujuk kepada mengambil sekadar keperluan yang munasabah, supaya tidak bergantung kepada harta anak yatim. Tuntasnya, kenyataan Sheikh Yasin dalam isu ini didapati selari dengan tuntutan ayat al-Quran dan pandangan para ilmuwan yang membicarakan berkenaannya.

## • Pendidikan dan Ilmu

Sheikh Yasin menekankan kepentingan ilmu dunia dan akhirat, memetik kepentingan kreativiti, kemahiran organisasi, dan pembangunan intelektual. Kata beliau: "Aku juga berpesan agar menuntut ilmu, iaitu ilmu yang menjamin kebahagiaan setiap individu pada Hari Akhirat. Begitu juga ilmu keduniaan yang menjamin kekuatan umat. Kemahiran intelek dalam organisasi, penghasilan dan kreativiti adalah amat penting untuk memperoleh kekuatan ini dan lebih utama berbanding kekuatan fizikal dan kekayaan yang diurus dengan baik." (Yassine, 2014) Ini selaras dengan firman Allah SWT yang menegaskan kelebihan orang berilmu: "... Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang dikurniakan ilmu dengan beberapa darjat." (al-Mujadalah: 11) Bahkan Rasulullah SAW sendiri memuji kedudukan orang berilmu dan membezakannya dengan orang yang tidak berilmu.

Sabda Baginda SAW: "Keutamaan seorang 'alim (orang berilmu) berbanding seorang 'abid (ahli ibadah) adalah seperti keutamaanku berbanding orang yang paling rendah antara kamu." (al-Tirmidhi, 1975) Selain galakan mendalami ilmu secara umum, Sheikh Yasin turut menekankan keseimbangan antara ilmu dunia dan akhirat. Kenyataan ini amat sinonim dengan firman Allah SWT: "Dan carilah melalui apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan kebahagiaan negeri akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagianmu daripada kenikmatan dunia." (al-Qaşaş: 77)

Ketika mengulas ayat ini, Mujahid dan Ibn Zayd berkata: "Janganlah engkau meninggalkan usaha di dunia untuk (mendapatkan) akhirat sehingga engkau terselamat daripada azab, kerana hakikat bahagian manusia daripada kehidupan dunia ialah beramal untuk akhirat." (al-Baghawi, 1997) Inilah makna keseimbangan yang sebenar dengan tidak mengabaikan dunia untuk akhirat, dan begitulah juga sebaliknya. Hal ini jelas dipaparkan oleh Sheikh Yasin ketika membicarakan tentang kepentingan ilmu dan proses menuntut ilmu.

- **Kesederhanaan Politik Berpandukan Syariat**

Sheikh Yasin menyeru umat agar mempertahankan agama dan membina kekuatan kolektif, mengingatkan janji Rasulullah SAW tentang kembalinya khilafah di atas manhaj kenabian. Kata beliau: "Seruan ini disertai dengan usaha gigih yang penuh wawasan jauh serta kesabaran dalam menghadapi kepayahan yang diharungi demi menyatukan umat dan membina semula kesatuannya selangkah demi selangkah sehingga tertegaknya institusi khilafah yang berlandaskan manhaj kenabian." (Yassine, 2014) Pesanan ini jika diteliti amat berkait rapat dengan prinsip amar ma'ruf nahi munkar, seperti yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya: "Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar; dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan." (Ali 'Imran: 104). Di samping menyeru ke arah pembinaan khilafah atas nama Islam, beliau juga mengingatkan agar sebarang bentuk jihad menuju objektif tersebut tidak seharusnya memandulkan usaha mencapai martabat ihsan, yang berkait rapat dengan nilai dan perjuangan menyebarkan kebaikan buat seluruh makhluk. Kata beliau: "Justeru, jihad yang berterusan untuk mendirikan negara yang adil dalam umat kita seharusnya tidak mengganggu usaha mencapai ketinggian martabat ihsan." (Yassine, 2014).

Pada sudut yang lain, Sheikh Yasin mengharmonikan anjuran berjihad dengan memberikan ingatan agar umat Islam bertindak dengan pendekatan yang sederhana dan tidak melampaui batas. Kata beliau: "Aku juga berpesan agar kita bertindak dengan kebijaksanaan sebagai pemimpin, serta pendekatan kesederhanaan dengan hala tuju yang betul, dan berjihad di jalan Allah SWT iaitu sebagai jihad orang yang kuat, tetapi tidak zalim, dan jihad orang yang lembut, tetapi tidak zalim, dan jihad orang yang lembut tetapi tidak lemah. Aku menasihati agar bersikap tenang, bersederhana dan berjihad dalam menghadapi dunia yang digoncang oleh pelbagai jenis ujian ketuhanan yang dijadikan Allah SWT." (Yassine, 2014). Hal ini dilihat sebagai pesanan yang amat selari dengan sabdaan Rasulullah yang amat tegas dalam memberi amaran berkenaan ekstremisme dan tindak-tanduk yang melampaui batas. Sabda Rasulullah SAW: "Wahai sekalian manusia, jauhilah oleh kamu sikap melampau dalam beragama, kerana sesungguhnya yang telah membinasakan umat sebelum kamu ialah sikap melampau dalam beragama." (Ibn Majah, 2009). Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW mencela ekstremisme dengan bersabda sebanyak tiga kali: "Binasalah orang-orang yang melampau (dalam beragama)." (Muslim, 1995)

- **Akhlak Islam**

Sheikh Yasin juga menekankan berkenaan dengan kepentingan menampilkan akhlak islam yang indah, memaparkan keperibadian mukmin sejati, memiliki keluhuran budi dan menjauhi keruntuhan akhlak dan kecelaruan masyarakat. Kata Sheikh Yasin: "Aku berpesan agar kita menampilkan akhlak Islam yang indah, iaitu keperibadian yang tercermin dalam akhlak seorang Mukmin dan Mukminah, baik dari segi penampilan

luaran mahupun dalaman mereka. Keperibadian itu menyerlah sebagai golongan yang memiliki keluhuran budi serta cita-cita yang tinggi di tengah-tengah masyarakat, terpisah daripada hiruk-pikuk mereka, keruntuhan akhlak mereka, kecelaruan pemikiran mereka, perbuahan mereka, media mereka, hiburan mereka dan kealpaan mereka. Kita memohon perlindungan kepada Tuhan daripada bisikan Syaitan yang membisikkan ke dalam hati manusia dan jin, lalu menyelinap pergi." (Yassine, 2014) Jika diteliti, setiap kenyataan ini dilihat selari dengan mesej yang dibawakan oleh al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Pertama, Allah SWT menyifatkan baginda Rasulullah SAW sebagai paparan akhlak islam yang sempurna, serta wajib dicontohi oleh umat Islam. Firman Allah: "Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar mempunyai akhlak yang agung." (al-Qalam: 4) Baginda SAW juga turut bersabda: "Sesungguhnya sebaik-baik antara kamu ialah yang paling baik akhlaknya." (Al-Bukhari, 1993) Kata al-Khawarizmi (1998): "Allah Ta'ala berfirman: "Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar mempunyai akhlak yang agung." Kemudian Allah menyeru hamba-hamba-Nya agar meneladani baginda serta menghiasi diri dengan akhlaknya yang mulia, sebagaimana firman-Nya: "Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu terdapat teladan yang baik bagi kamu."

Kedua, memaparkan keperibadian mukmin dengan memiliki keluhuran budi juga dinyatakan secara jelas dalam firman Allah: "Ambillah kemaafan, suruhlah dengan perkara yang baik, dan berpalinglah dari orang-orang yang jahil." (al-A'raf: 199) Firman Allah ini merupakan pesanan Allah kepada Rasul-Nya SAW yang seiring dengan pesanan yang lain seperti: "Tolaklah kejahatan dengan cara yang lebih baik" (Fuşşilat: 34) dan "Rendahkanlah dirimu (bersikaplah lembut) terhadap orang-orang yang beriman." (Al-Hijr: 88) Semua pesanan ini merupakan antara bentuk keluhuran budi dan keindahan peribadi mukmin yang sebenar (Al-Maturidi, 2005).

Ketiga, seorang mukmin sejati wajib menjauhi keruntuhan akhlak dan mengelakkan diri daripada keruntuhan masyarakat, sesuai dengan firman Allah: "Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, nanti kamu disentuh oleh api neraka." (Hūd: 113) Justeru, seorang mukmin seharusnya menyaring insan yang kerap berada di sampingnya, kerana pergaulan dan persekitaran juga mampu memberikan implikasi kepada tindak-tanduk seseorang, sama ada mempengaruhinya ke arah kebaikan atau sebaliknya. Sabda Rasulullah SAW: "Seseorang itu berada atas agama sahabatnya, maka perhatikanlah dengan siapa dia bersahabat." (Ahmad, 2001) Al-Ghazali (1993) menyatakan lima sifat insan yang sepatutnya dilazimi dan dijadikan teman, iaitu mempunyai akal yang baik, berakhlak mulia, soleh, tidak menggilai dunia dan jujur.

## KESIMPULAN

Wasiat terakhir Sheikh 'Abd al-Salam Yasin adalah teks yang kaya dengan panduan sosial Islami berlandaskan al-Quran. Ia merangkumi hubungan dengan Allah, sesama manusia, dan tanggungjawab terhadap masyarakat. Dari perspektif al-Quran, pesanan beliau menekankan nilai persaudaraan, keadilan, musyawarah, kebajikan sosial, pendidikan, kesedaran politik, dan akhlak mulia. Wasiat ini bukan sahaja bernilai sejarah, tetapi juga relevan sebagai panduan kontemporari untuk membina semula masyarakat Islam yang bersatu, adil, dan berakhlak. Penghayatan terhadap pesanan ini, jika dilaksanakan secara kolektif, berpotensi menjadi asas kepada pembentukan peradaban Islam yang benar-benar mencerminkan rahmat Allah kepada seluruh alam.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Al-Qushayri, A. K. (n.d.). *Lata'if al-Isharat*. Egypt: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Ammah li al-Kitab.

Al-Sam'ani, M. (1997). *Tafsir al-Sam'ani*. Riyadh: Dar al-Waṭan.

Al-Bukhari, M. (1993). *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. Cairo: Al-Maṭba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.

Muslim. (1995). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Turkiye: Dar al-Ṭiba'ah al-'Amirah.

Al-Samarqandi, N. (n.d.). *Tafsir al-Samarqandi*.

Al-Qurtubi, M. (1964). *Al-Jami' li Aḥkam al-Qur'an*. Cairo: Dar al-Kutub al-Miṣriyyah.

Al-Sa'di, A. R. (2000). *Taysir al-Karim al-Raḥman*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Al-Bukhari, M. (1998). *Al-Adab al-Mufrad*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsir Ibn Kathir*. Riyadh: Dar Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Al-Ṭabari, M. (n.d.). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Mecca: Dar al-Tarbiyah wa al-Turath.

Al-Tirmidhi, M. (1975). *Sunan al-Tirmidhi*. Egypt: Sharikah Maktabah wa Maṭba'a Muṣṭafa al-Babi al-Hal-

abi.

Al-Baghawi, A. (1997). *Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Qur'an*. Riyadh: Dar Ṭaybah.

Ibn Majah, M. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

Al-Khawarizmi, M. (1998). *Mufid al-'Ulūm wa Mubid al-Humūm*. Beirut: Al-Maktabah al-'Unṣuriyyah.

Al-Maturidi, M. (2005). *Tafsir al-Maturidi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Ghazali, M. (1993). *Bidayah al-Hidayah*. Cairo: Maktabah Madbūli.

Yassine, A. (2014). *The Last Testament of Imam Abdessalam Yassine*. New Britain: Justice and Spirituality Publishing.

<https://yassine.org/en/imam-yassines-journey/>

Imam Abdessalam Yassine Foundation. (n.d.). *A Brief Account of Imam Abdessalam Yassine's Biography*.